

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 APRIL 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 35

Petronas bekal tenaga bersih percuma

Petronas bekal tenaga bersih percuma

PETALING JAYA: Petronas, melalui anak syarikatnya, Petronas Power Sdn. Bhd. berjaya menyelesaikan fasa perintis projek Sinar Harapan, program Tanggungjawab Sosial Korporatnya (CSR) untuk membekalkan tenaga bersih dan percuma untuk meningkatkan taraf hidup komuniti Orang Asli terpilih dan penduduk pusat berasaskan komuniti di Malaysia.

Menurut Petronas, program itu dilakukan dengan kerjasama SOLS 24/7 dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Ia bertujuan untuk memperkayakan kehidupan masyarakat melalui pemasangan percuma sistem suria di penempatan terpilih serta di rumah anak yatim dan rumah orang tua.


Jelasnya, selama ini, penduduk kampung Orang Asli di Kampung Ulu piong, Kampung

Tibang dan Kampung Tanjung Sepat menerangi rumah mereka dengan cahaya lilin, uggun api atau penjana bahan api kerana mereka tidak mempunyai akses kepada bekalan elektrik daripada grid.

Di bawah inisiatif itu, katanya, setiap rumah Orang Asli diberikan sistem suria grid mikro mudah alih 6W dengan lampu LED dan port USB.

“Hasilnya, mereka kini mempunyai keterlihatan cahaya lebih tinggi pada waktu malam.

“Ia juga mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk penduduk melaksanakan kehidupan seharian, membolehkan anak-anak mereka belajar dengan lebih berkesan serta membolehkan orang dewasa menjalankan aktiviti menjana pendapatan seperti kraftangan,” katanya dalam kenyataan.



PROJEK Sinar Harapan Petronas membekalkan tenaga yang menerangi rumah penduduk Orang Asli.